

**TEKS UCAPAN PERASMIAN KARNIVAL
KESENIAN DAN KEBUDAYAAN KUTKM**

**PADA 2 MAC 2002
DI MAKMAL FASA B, KUTKM**

BISMILLAHIR RAHMANIR RAHIM

ASSALAMUALAIKUM W.B.T. DAN SELAMAT

SEJAHTERA

YANG BERUSAHA PENGACARA MAJLIS

YANG BERHORMAT DATUK SEAH,

YANG BERBAHAGIA PROF ISMAIL HASSAN,

TIMBALAN REKTOR AKADEMIK

**PROF DR AZHARI, TIMBALAN REKTOR
PEMBANGUNAN,**

**PROF MADYA DR HJ SU'AJIDI DATO' SAFEI,
DEKAN HAL EHWAL PELAJAR**

**DEKAN-DEKAN FAKULTI, PEGAWAI-
PEGAWAI KANAN KUTKM, PARA
PENSYARAH, YANG DIPERTUA MPP, EXCO
KABINET MPP, STAF KUTKM, TETAMU
JEMPUTAN DAN SISWA/SISWI KUTKM.**

SYUKUR KE HADRAT ILAHI KERANA DENGAN LIMPAH KURNIA DAN IZINNYA DAPATLAH KITA BERSAMA-SAMA DI SINI UNTUK MENJAYAKAN KARNIVAL KESENIAN DAN KEBUDAYAAN KUTKM. SEKALUNG TAHNIAH DIUCAPKAN KEPADA PENGANJUR KARNIVAL IAITU PIHAK HAL EHWAL PELAJAR DAN MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR KUTKM, KERANA DAPAT MENGANJURKAN MAJLIS YANG JULUNG KALINYA DI KUTKM INI. SYABAS KEPADA JAWATANKUASA PELAKSANA KARNIVAL YANG BERTUNGKUS-LUMUS MENJAYAKAN

MAJLIS INI WALAUPUN SIBUK DENGAN TUGASAN AKADEMIK.

TERIMA KASIH KEPADA PARA TETAMU JEMPUTAN, WAKIL-WAKIL DARIPADA IPT- IPT MELAKA DAN WARGA KUTKM KERANA SUDI MELUANGKAN MASA UNTUK MEMERIAH DAN MENCERIAKAN KARNIVAL KESENIAN DAN KEBUDAYAAN KUTKM INI.

TIDAK LUPA JUGA SAYA UCAPKAN RIBUAN TERIMA KASIH PADA INDIVIDU DAN ORANG PERSEORANGAN YANG SUDI MENYUMBANG

DALAM BENTUK MATERIAL ATAU MORAL KE ARAH MENJAYAKAN KARNIVAL INI “TERIMA KASIH DAUN KELADI LAIN KALI SUMBANGLAH LAGI”.

OBJEKTIF UTAMA KARNIVAL KESENIAN DAN KEBUDAYAN KUTKM INI ADALAH UNTUK MERAPATKAN HUBUNGAN DAN KERJASAMA DI ANTARA WARGA KUTKM. IA JUGA DAPAT MENGHARMONIKAN INTERAKSI DI KALANGAN BERBILANG KAUM SEJAJAR DENGAN HASRAT NEGARA MEWUJUDKAN SIKAP TOLERANSI,

INTEGRASI NASIONAL YANG PADU LAGI JITU. DENGAN ADANYA KARNIVAL SEPERTI INI KITA BUKAN SAHAJA DAPAT MEMPERSEMBAHKAN KEBUDAYAAN MASING-MASING, BAHKAN DAPAT BERKONGSI MAKLUMAT MENGENAI KEBUDAYAAN KAUM LAIN DI MALAYSIA. INI DAPAT MENGELAKKAN JURANG DI ANTARA KAUM KERANA MASING-MASING SUDAH MENGETAHUI DAN MEMAHAMI KEBUDAYAAN ANTARA SATU SAMA LAIN. DENGAN ADANYA KARNIVAL KEBUDAYAAN DAN KESENIAN ATAU MAJLIS SEBEGINI

JUGA, KITA DAPAT MEMPROMOSI KOLEJ UNIVERSITI TEKNIKAL KEBANGSAAN MALAYSIA SEBAGAI SEBUAH IPTA YANG MENGIRINGI BAHKAN MENANDINGI IPTA- IPTA TEMPATAN DAN ANTARABANGSA SEBAGAI UNIVERSITI TEKNIKAL YANG TERUNGGUL. KARNIVAL SEPERTI INI JUGA TELAH MEMBUKTIKAN BAHAWA KUTKM TIDAK HANYA MEMENTINGKAN PENCAPAIAN AKADEMIK DAN TEKNIKAL, TETAPI TURUT MEMENTINGKAN KETATASUSILAAN DAN KEHARMONIAN SAHSIAH MAHASISWANYA. AGENDA INI

PENTING UNTUK MELAHIRKAN PEMIMPIN NEGARA MASA DEPAN YANG SEMPURNA DARI SEGI JASMANI DAN ROHANI. MEREKALAH YANG BAKAL MENERAJUI DAN MENGARAH HALATUJU NEGARA YANG KITA CINTAI INI.

DENGAN ITU SAYA BERHARAP, KARNIVAL KESENIAN DAN KEBUDAYAAN KUTKM INI, MENJADI PEMANGKIN TERHADAP USAHA- USAHA PIHAK HAL EHWAL PELAJAR DAN MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR KUTKM, UNTUK MEMBENTUK MAHASIWA KUTKM

**YANG SERBA BOLEH, CEMERLANG DALAM
SEGALA ASPEK. SEMOGA DENGAN ADANYA
MAJLIS SEBEGINI DAPATLAH KITA
MERAPATKAN HUBUNGAN ANTARA SATU
SAMA LAIN BAIK DI KALANGAN WARGA
KUTKM, MASYARAKAT SEKELILING SERTA
IPT-IPT LAIN. PROGRAM SEBEGINI SESUAI
DIPERBANYAKKAN SEIRING DENGAN
KECEMERLANGAN AKADEMIK KE ARAH
MENCAPAI HASRAT KUTKM UNTUK
MENJADI IPTA YANG TERUNGGUL DI
PERSADA ANTARABANGSA.**

**AKHIR KATA, DENGAN LAFAZ
BISMILLAHIR RAHMANNIR RAHIM SAYA
MERASMIKAN KARNIVAL KESENIAN DAN
KEBUDAYAAN KUTKM.**

WASSALAMUALAIKUM W.B.T.